Tarikh :

Hari :

# Persepsi Seni

| Tahap Penguasaan | Tafsiran | Menguasai ( ✓ / × ) |
| --- | --- | --- |
| Tahap 3 | Mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman untuk membuat penerokaan terhadap seni cetakan melalui penggunaan media, teknik dan proses. | |

| Nama : | Kelas : |
| --- | --- |

**Latihan 2 : Lengkapkan kenyataan yang tepat tentang ciri-ciri karya cetakan Barat berdasarkan aliran dan gaya yang sesuai mengikut abad.**

| | |
| --- | --- |
| Abad ke-15<br><br>Erhard Ratdolt, *Appianus, Romana historia de bellis civilibus*, 1477, cetakan kayu | Gaya seni *Renaissance* muncul di Itali. Kebanyakan pelukis era *Renaissance* mempunyai lebih daripada satu kemahiran dalam penghasilan catan, arca, gurisan *(etching)*, pertukangan emas dan seni bina. Karya-karya seni cetakan Barat pada akhir abad ke-15 hingga awal abad ke-16 dikatakan dipengaruhi oleh **(1)** ____________________.<br><br>Pada pertengahan abad ke-15, cetakan kayu dihasilkan dalam bentuk blok-buku (blockbooks), iaitu **(2)** ____________________. |
| Abad ke-16<br><br>Cornelis Matsys, *Four Blind Peasants*, 1558, gurisan asid | Seni cetakan pada abad ini mengekalkan **(3)** ____________________ iaitu menggunakan rekaan geometri secara berulang-ulang dan bingkai gambar yang bercorak.<br><br>Contohnya karya Cornelis Matsys (1508-1556) iaitu *"Four Blind Peasants"*, teknik cetakan gurisan. Karya cetakan beliau memperihalkan berkaitan imej **(4)** ____________________. |
| Abad ke-17<br><br>Rembrandt van Rijn, *The Windmill*, 1641, gurisan asid | Gaya dan aliran ini menolak gaya *Renaissance* tetapi menyaksikan gaya dan aliran **(5)** ______________ dan ______________ di Itali.<br><br>Perkembangan dan inovasi dalam proses cetakan menggunakan bahan kimia dan pengenalan plat tembaga adalah merupakan seni cetakan **(6)** ____________________. Contoh pelukis dengan gaya seni Mannerisme ialah Rembrandt yang mahir dengan teknik gurisan asid pada era tersebut. |
| Abad ke-18 dan 19<br><br>James Abbott McNeill Whistler, *The Wine Glass*, 1858, gurisan asid | Seni cetakan Barat pada abad ini berfungsi untuk **(7)** ____________________ seperti Thomas Bewick, William Hogarth, James Abbott McNeill Whistler dan Edvard Mucnh yang mahir dalam seni cetakan.<br><br>Pelukis aliran Impresionisme Barat seperti Mary Cassatt, Edouard Manet, Claude Monet dan Edgar Degas terpengaruh dengan ciri-ciri gaya pelukis Jepun dengan mecipta **(8)** ____________________ iaitu subjek utama tidak diletakkan di bahagian tengah.<br><br>Cetakan blok kayu dari Jepun menjadi terkenal di Perancis pada tahun **(9)** ______________. Penggunaan blok warna rata, terang dan besar adalah medium pelukis cetakan Jepun seperti **(10)** ______________ dan ______________. |



LIVEWORKSHEETS